

01/04/2001

Mampukah Kod Etika Ahli Umno hadapi radio buruk?

Zainudin Isa

RADIO buruk sekali lagi "berkumandang" di sana sini. Baik di bandar atau di ceruk kampung, ia semakin rancak mengalunkan pelbagai irama lagu dan drama berkisar kehidupan manusia.

Radio buruk yang dimaksudkan, bukannya radio lama yang menggunakan bateri, sebaliknya ia adalah individu atau kumpulan tertentu yang muncul sepanjang pemilihan jawatan, khususnya dalam Umno sekarang.

Dalam erti kata lain, mereka berperanan sebagai pelobi atau ejen bagi membantu seseorang calon yang berhajat bertanding jawatan penting peringkat bahagian. Barangkali perkataan lebih tepat bagi mereka ialah tukang kempen untuk 'mengiklankan' calon atau pemimpin.

Namun, walau apa nama atau gelarannya, tidak dinafikan peranan 'radio buruk' ini banyak mewarnai politik tanah air kebelakangan ini. Harus diakui juga peranan mereka cukup besar dan penting dalam Umno, malah kalau diamati dalam keadaan tertentu, mereka mempunyai 'kuasa dan pengaruh' dalam menentukan bakal kepemimpinan peringkat cawangan dan bahagian.

Betapa tidak, adakalanya pelobi pantas menyambar dan menyebarkan maklumat tidak kira daripada akhbar atau media massa atau dari mulut ke mulut. Setiap perkembangan terkini sama ada di kawasan mereka atau senario politik nasional harus diketahui.

Sebagaimana kita ketahui, fungsi maklumat cukup besar. Ditambah lagi sebagai orang lama, golongan radio buruk sebenarnya orang yang sudah cukup masak dengan kerenah politik atau sepak terajang pertandingan dalam parti.

Ketika pemilihan cawangan Umno yang bermula sejak 2 Mac lalu sehingga semalam, sebelum menyusul pemilihan peringkat bahagian, radio buruk semakin menyerlah bunyinya.

Cuma, kebelakangan ini telatah dan sikap mereka agak sukar diramal kerana sesetengah mereka kini pandai tawar menawar mengenai bentuk habuan yang akan bakal diperoleh.

Maknanya, semakin lumayan upah yang diterima, semakin berkumandanglah 'nyanyian' atau 'lakonan' mereka. Atau secara ringkasnya, sesiapa yang mereka tonjolkan itu diberi jaminan mempunyai harapan cerah untuk mengisi jawatan yang diidam-idamkan itu asalkan pemberiannya menarik.

Justeru, bagi menghadapi serangan radio buruk yang dianggap keterlaluan dan boleh menjejaskan imej parti, Umno sebagai parti tonggak orang Melayu menggariskan 'Kod Etika Ahli Umno' yang dipersetujui Majlis Tertinggi (MT) parti pada 22 Februari lalu.

Mengapa Umno sebagai parti yang sudah cukup lama dan ahlinya yang cukup matang masih memerlukan kod etika bagi menghadapi pertandingan jawatan? Apakah politik wang masih menular dalam Umno?

Timbalan Presiden Umno, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi pada 3 Mac lalu meminta semua ahli Umno mematuhi tata etika yang sudah diedarkan oleh ibu pejabat Umno ke bahagian dan cawangan. Tujuannya tidak lain bagi memastikan mesyuarat dan persidangan Umno di semua peringkat berjalan lancar dan "bersih".

Malah, beliau juga mengingatkan ahli yang menawarkan diri bertanding sepatutnya sudah dikenali ahli kerana memberi sumbangan mereka kepada parti.

"Kita boleh andaikan ahli yang menawarkan diri sudah lama dikenali dan banyak berjasa kepada Umno, dan itu sudah cukup bagi membolehkan ahli mengenali kepemimpinannya. Kalau ketua bahagian dan ahli jawatankuasa sudah tentu dikenali, manakala ahli dari luar yang tidak pernah berjasa,

tetapi tiba-tiba hendak berkempen untuk bertanding, mungkin boleh menyebabkan kelam kabut," katanya.

Naib Presiden Umno, Datuk Seri Najib Tun Razak pula menjelaskan buku kod etika baru menerangkan secara jelas peraturan pertandingan dan semua ahli perlu berpandu kepadanya.

Justeru, ahli perlu mengawal diri dan hanya memberi sokongan kepada pemimpin yang mempunyai pegangan diri serta jujur.

Mereka yang melanggar etika itu perlu menanggung risiko untuk diambil tindakan oleh Lembaga Disiplin, katanya.

Peraturan bagi membendung politik wang dalam pemilihan parti itu, juga melarang ahli menjadi ejen, pelobi, pengurus kempen dan perayu undi bagi mana-mana calon.

Bagaimanapun, dikhabarkan ada sesetengah pemimpin Umno memulakan kempen dengan mengadakan kenduri atau menaja lawatan tertentu. Ini sebenarnya cara lama untuk memancing atau mencari undi. Ada juga yang mengadakan mesyuarat cawangan di rumah ketua bahagian.

Apa yang nyata, melalui kod etika rasmi itu menunjukkan Umno begitu serius memerangi kegiatan politik wang yang semakin berakar-umbi. Tidak hairanlah, selain menekankan aspek kesedaran kepada ahlinya terhadap bahaya gejala ini, sampai masanya ahli Umno di semua peringkat diberikan panduan lebih jelas apa yang boleh dan tidak boleh dibuat menjelang pemilihan jawatan dalam parti.

Ini lebih buruk lagi apabila ura-ura kononnya ada ahli di bahagian dan cawangan diberi pelbagai habuan menarik dalam usaha membeli undi mereka. Sehubungan itu, nasihat Setiausaha Kerja Umno, Senator Datuk Tengku Adnan Tengku Mansor perlu diikuti. Beliau meminta ahli Umno yang mempunyai maklumat mengenai sebarang pelanggaran kod etika baru berkaitan pemilihan peringkat bahagian melaporkan segera kepada ibu pejabat parti untuk tindakan.

Apa yang kita kesalkan banyak rungutan dikatakan hanya dikemukakan kepada media massa, bukannya terus ke ibu pejabat parti.

"Sehingga kini kami belum menerima sebarang aduan, kami hanya membaca dalam akhbar," kata Tengku Adnan baru-baru ini apabila diminta mengulas aduan beberapa ahli Umno, terutama di Kedah bahawa ada calon mula mengadakan kenduri serta menaja percutian ahli bagi memancing undi.

Seorang ketua bahagian berkata, beliau tidak bercadang mempertahankan jawatannya tahun ini bagi mengelak apa yang dinamakan serangan peribadi dan politiking parti yang keterlaluan.

Malah, katanya, beliau serik dengan kerenah orang tertentu yang kononnya boleh membantunya asalkan diberi habuan yang menarik.

"Jadi, lebih baiklah saya melupakan jawatan yang saya pegang lebih dua penggal itu dan menumpukan kepada jawatan tertinggi," katanya.

Menurut pemerhati politik, amat sukar bagi pemimpin baru untuk bertanding di peringkat bahagian jika mereka tidak berpeluang menampilkan kebolehannya.

Sehubungan itu, katanya, bagi muka baru mereka mungkin terpaksa menggunakan orang tengah bagi membolehkan akar umbi mengetahui mengenai peribadi dan wawasan perjuangannya.

Berikutan larangan berkempen itu katanya, boleh menyebabkan Umno statik dari segi melahirkan lebih ramai kepimpinan muda yang dinamik dan kental semangat juangnya.

Sementara itu, seorang veteran Umno berkata, peranan radio buruk sebenarnya sukar dihentikan meskipun kini sudah wujud pelbagai saluran komunikasi seperti akhbar dan televisyen. Beliau sebaliknya mengibaratkan fungsi radio buruk sebagai penghidup suasana setiap kali ada pertandingan jawatan.

"Tanpa mereka ini, arena politik Umno menjadi tawar. Maknanya kemeriahan

tidak begitu terasa jika ahli parti dan pemerhati tidak mendapat peluang untuk memberi pandangan dan kritikan," katanya.

Bagaimanapun, beliau mengakui apa yang dikhuatir ialah peranan mereka itu boleh mengeruhkan suasana seperti menyebar cerita palsu dan khabar angin.

Seorang bekas ahli MT turut mengakui kumpulan pelobi atau radio buruk ini bertindak semakin agresif apabila perebutan jawatan semakin hampir terutama di peringkat MT.

"Ini berlaku terhadap diri saya. Mereka minta macam-macam yang tidak tahannya mereka sudah berani mengugut itu dan ini. Jika pada peringkat bahagian kita sudah tak tahan kerenah mereka, apa lagi apabila merebut jawatan MT," katanya.

Malah, apa yang menyedihkan pelobi atau ejen ini sudah pandai makan tuan atau bersifat talam dua muka. Maknanya, untuk mencari habuan lebih, mereka sanggup memburukkan calon A kepada B, walhal A yang meminta khidmatnya terlebih dahulu beserta dengan hadiah dan habuan tertentu.

Menerusi kod etika baru itu antara lain menyebut ahli Umno dilarang memberi atau menerima wang atau sebarang bentuk hadiah. Mereka juga dilarang menganjurkan sebarang perhimpunan atau jamuan membabitkan ahli serta larangan menerbit atau menyiar risalah yang berunsur menyokong atau memfitnah ahli lain menerusi sebarang bentuk media.

Bagi meredakan bahang dan suasana pertandingan, pesanan Presiden Umno wajar direnungi. Menurut Dr Mahathir Mohamad, ahli Umno yang memegang jawatan dalam kerajaan tidak semestinya bertanding merebut jawatan dalam pemilihan peringkat bahagian.

Bukan dasar Umno mewajibkan mereka berbuat demikian, walaupun parti tidak melarang jika mereka berhasrat untuk turut bertanding merebut jawatan seperti ketua bahagian. Tapi kalau dia nak bertanding juga, itu hak dia. Tetapi anggapan bahawa sebagai orang memegang jawatan dalam kerajaan, maka mereka mestilah ada jawatan dalam bahagian, itu bukan dasar Umno," katanya selepas mesyuarat Majlis Tertinggi (MT), 10 Mac lalu.

Walau apapun, pertandingan dalam Umno kali ini wajar bukan saja dilihat bersih, tapi dilaksanakan dengan penuh suasana harmoni, mesra, keakraban dan berdisiplin. Ciri inilah yang membolehkan Umno terus bertahan sebagai suara dan nadi perjuangan orang Melayu.

(END)